

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

17. Tahap/Indeks Kualiti Air Sungai Pinang.

- (a) Apakah kesan tahap kualiti air Sungai Pinang yang terkini?
- (b) Sila huraikan dengan secara terperinci Tahap/Indeks Kualiti Air Sungai Pinang mengikut pecahan bulanan dari tahun 2017 hingga 2019.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. (a) Jabatan Alam Sekitar (JAS) merupakan agensi yang memantau Indeks Kualiti Air sungai di beberapa sungai terpilih dalam negara. Tahap kualiti air Sungai Pinang terkini yang direkodkan pada bulan November 2019 adalah pada Kelas 2. Kualiti air pada kelas 2 memerlukan rawatan konvensional bagi kegunaan domestik dan boleh digunakan untuk rekreasi.

Faktor penyumbang utama nilai Indeks Kualiti Sungai Pinang pada kelas 2 adalah kerana sungai terbabit telah hilang daya kemampuan pencairan selain menerima beban pencemar yang tinggi akibat *carrying capacity* sungai-sungai yang berada di dalam Lembangan Sungai Pinang.

- (b) Berdasarkan pemantauan kualiti air Sungai Pinang yang telah dijalankan oleh JAS, Indeks Kualiti Air Sungai Pinang mengikut pecahan bulanan dari tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Tahun	Indeks Mengikut Bulan (Januari – Disember)											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
2017	2			2				2				
2018	2		2		3		3		2		2	
2019	3		3		2		2	2	3		2	

\*Nota : *Water classes and uses:*

- Kelas 2 – *Water supply (Conventional treatment required); Fishery (Sensitive aquatic species); Recreational use with body contact.*
- Kelas 3 - *Water supply (Extensive treatment required); Fishery (common, of economic value and tolerant species); livestock drinking.*